

## Pentafsiran Reka Bentuk Kurikulum Pendidikan Seni Bina *Ecole des Beaux Art* dari Sudut Pandang Pendidikan Seni Bina Malaysia

(Interpretation of *Ecole des Beaux Arts* Architecture Education Curriculum from The Perspective of Malaysian Architecture Education)

Kamarul Afizi Kosman\* & Sarah Mohd Hilmee

*Architecture & Built Environment Department,  
 Faculty of Engineering & Built Environment, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

\*Corresponding author: kamarulafizi@ukm.edu.my

Received 13 March 2023, Received in revised form 1 May 2023  
 Accepted 7 July 2023, Available online 31 October 2023

### ABSTRAK

*Penyelidikan ini bertujuan untuk mengetengahkan ciri khas yang terdapat pada kurikulum pendidikan seni bina Ecole des Beaux-Arts, iaitu sebuah institusi pendidikan seni bina formal pertama di Eropah pada abad ke-17 yang mempengaruhi sebahagian besar pembentukan kurikulum pendidikan seni bina di peringkat antarabangsa termasuk juga di Malaysia. Matlamat perbincangan ini adalah untuk menyediakan asas kefahaman kepada pihak yang terlibat dalam pendidikan seni bina mengenai asal-usul serta ciri asas sesebuah kurikulum seni bina. Skop perbincangan melibatkan sejarah penubuhan sekolah seni bina Ecole des Beaux-Arts, sistem pendidikan seni bina yang dilaksanakan dan analisa kursus yang ditawarkan bagi mengenal pasti ciri khusus kurikulum pendidikan seni binanya. Metodologi penyelidikan yang diguna pakai dalam perbincangan ini ialah Interpretive Historical Research yang mana fakta sejarah yang diperoleh akan melalui sesi penyiasatan bukti, pengumpulan dan penyusunan bukti serta diakhiri dengan pembinaan naratif. Kurikulum pendidikan seni bina yang dilaksanakan oleh Ecole des Beaux-Arts tidak dinyatakan secara berstruktur seperti praktis kurikulum peringkat global pada hari ini. Justeru, penyelidikan ini secara khusus mengetengahkan kaedah penterjemahan maklumat kurikulum yang kabur, iaitu dalam bentuk penceritaan mengenai situasi pembelajaran seni bina silam kepada kurikulum berstruktur yang boleh dinilai bentuk fizikalnya serta boleh dibandingkan dengan sistem pendidikan seni bina masa kini. Penemuan akhir penyelidikan menunjukkan bahawa terdapat ciri-ciri khusus dalam kurikulum pendidikan seni bina oleh Ecole des Beaux-Arts berdasarkan kaedah pecahan kursus seperti yang diamalkan dalam sistem pendidikan seni bina Malaysia pada hari ini.*

*Kata kunci:* Ecole des Beaux-Arts; Kurikulum Seni Bina; Pendidikan Seni Bina Malaysia

### ABSTRACT

*This research aims to highlight the distinctive features found in the Ecole des Beaux-Arts architectural education curriculum, the first formal architectural educational institution in Europe during the 17th century that influenced most architectural education curriculum formation at the international level including curriculum in Malaysia. The aim of this research is to provide a foundation of understanding to the parties involved in architectural education regarding the origins and fundamental features of an architectural curriculum. The research methodology adopted in this research is Interpretive Historical Research where historical facts obtained will go through evidence investigation sessions, collection, and compilation of evidence and will be concluded with narrative construction. The architectural education curriculum implemented by the Ecole des Beaux-Arts is not stated in a structured manner as the global curriculum practices today. Therefore, this research specifically highlights the translation method of blurred curriculum information, which is in the form of storytelling on past architectural learning situations into a structured curriculum that can be evaluated in physical form and compared with the current architectural education system. The findings of the research*

*Showed that there are specific features in the architectural education curriculum by Ecole des Beaux-Arts based on the course breakdown method as practiced in the Malaysian architectural education system today.*

**Keywords:** Ecole des Beaux-Arts; Architecture Curriculum; Malaysian Architectural Education

## PENDAHULUAN

Selama dua setengah abad kewujudannya sebelum dibubar secara rasmi pada 1968, *Ecole des Beaux-Arts* telah memberikan sumbangan yang begitu berharga kepada sistem pendidikan seni bina moden melalui pembentukan struktur kurikulum seni bina yang tersusun. Walaupun pendidikan seni bina telah lama wujud dan dipercayai bermula sejak zaman Tamadun Mesir, namun ianya tidak dilaksanakan secara bersistematis dan formal. Pendidikan seperti tukang kraf, artisan dan rakyat kelas pekerja, dikaitkan dengan persatuan kraf dan kebiasaannya menjalani pembelajaran berdasarkan perantis (Heard 2021). Menjelang penubuhan leluhur *Ecole des Beaux-Arts* iaitu *Academie, Royale d'Architecture*, pendidikan seni bina di kebanyakan negara Eropah dan Amerika masih lagi berorientasikan sistem perantis yang tidak tersusun serta banyak bergantung kepada kebolehan seseorang guru atau *master*. Melalui kurikulum yang telah dirangka, pendidikan seni bina buat pertama kalinya mampu diperolehi di bawah satu bumbung. Pelajar dipilih melalui peperiksaan kompetitif dalam bidang seni bina, lukisan, arca dan ukiran (Britannica 2016).

Selain penawaran kursus yang lebih tersusun, pelaksanaan kaedah pembelajaran melalui *atelier* dan *Grand Prix de Rome* merupakan antara komponen terpenting dalam kurikulum pendidikan seni bina di *Ecole des Beaux Arts*.

## PENYATAAN MASALAH

Pengaruh sistem *Ecole des Beaux-Arts* dalam pembentukan kurikulum pendidikan seni bina global telah bermula di Britain pada awal abad ke-19 apabila individu yang mendapat pendidikan dari sekolah seni bina ini telah mula menguasai pentadbiran *Royal Institute of British Architect* atau RIBA. RIBA diasaskan untuk kemajuan umum seni bina, dan untuk mempromosikan dan memudahkan pemerolehan pengetahuan tentang pelbagai seni dan sains yang berkaitan dengannya (Royal Institute of British Architects 2023). RIBA merupakan badan berpengaruh dalam mempromosikan sistem pendidikan seni bina secara formal dan telah menerapkan kaedah serta reka bentuk kurikulum mengikut acuan *Ecole des Beaux-Arts* (Crinson et al. 1994).


Walaupun RIBA telah mengalami beberapa perubahan serta menyerap beberapa pengaruh lain menjelang awal abad ke-20, namun ciri asas tersebut masih dikekalkan. Selain itu, kurikulum pendidikan yang berdasarkan sistem

*Ecole des Beaux-Arts* ini juga dapat dilihat dalam pembangunan pendidikan pembentukan kurikulum pendidikan seni bina di negara-negara jajahan British dan di seluruh dunia termasuk juga Malaysia menjelang pertengahan abad ke-20 (Kamarul Afizi 2011; Madanovic 2018).

Hubung kait reka bentuk kurikulum ini walaupun telah dinyatakan dalam penulisan sejarah, namun ciri-ciri uniknya tidak dapat dikenal pasti disebabkan reka bentuk kurikulum di zaman *Ecole des Beaux-Arts* tidak ditulis secara berstruktur seperti praktis pada hari ini. Justeru, adalah sangat penting untuk dilaksanakan suatu bentuk interpretasi terhadap sistem pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts* bagi membolehkan kajian bandingan dengan kurikulum pendidikan seni bina yang diamalkan pada hari ini dapat dilaksanakan pada masa hadapan.

Pengaruh sistem pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts* dalam pendidikan seni bina Malaysia dikatakan berlaku secara tidak langsung apabila peperiksaan RIBA dari Britain yang menjadi asas pendidikan seni bina awal di Universiti Teknologi Malaysia pada pertengahan tahun 1950-an, mempunyai ciri pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts* di dalam kurikulumnya (Kamarul Afizi 2011). Analisis kurikulum pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts* merupakan aspek interpretasi dalam penyelidikan ini. Asas interpretasi terhadap ciri kurikulum pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts* adalah berdasarkan persektif pendidikan seni bina Malaysia. Justifikasi pemilihan perspektif atau pelantar analisis ini adalah kerana hasil akhir dari penyelidikan ini boleh dijadikan indikator tentang kewujudan ciri unik kurikulum pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts* dalam kurikulum pendidikan seni bina di Malaysia melalui kajian bandingan yang boleh dilaksanakan pada masa hadapan.

Kualiti serta pengiktirafan pendidikan seni bina Malaysia pada hari ini dikawal selia oleh Majlis Akreditasi Pendidikan Seni Bina Malaysia (MAPS Malaysia). Pada tahun 2013, MAPS Malaysia telah mengeluarkan manual akreditasi yang dikenali sebagai *The Manual of Accreditation for Architecture Programme* (MAAP 2013). Salah satu aspek yang diketengahkan oleh MAAP 2013 ialah pengelompokan kursus yang ditawarkan dalam sebuah kurikulum seni bina yang terdiri daripada 5 kelompok, iaitu 1) Kelompok Rekabentuk, 2) Teknologi dan Persekitaran, 3) Konteks Budaya, 4) Komunikasi, 5) Pengurusan Praktis dan Undang-undang (MAAP 2013, Appendix 3-A). Analisis kursus dalam kurikulum pendidikan seni bina *Ecole des Beaux Arts* akan dilaksana berdasarkan 5 kelompok kursus yang disarankan oleh MAAP 2013.



RAJAH 1. Kelompok kursus dalam pendidikan seni bina Malaysia berdasarkan kod warna tertentu.

Sumber: Kamarul Afizi (2011).

Walaupun MAAP 2013 telah menetapkan kelompok kursus dalam pendidikan seni bina Malaysia, namun tidak ada ketetapan khusus mengenai kod warna yang mewakili kelompok kursus berkenaan. Penyelidikan ini merujuk kepada saranan Kamarul Afizi 2011 yang mencadangkan kelompok kursus diwakili oleh warna-warna berikut:

1. Biru Muda- Kelompok Rekabentuk
2. Merah-Kelompok Teknologi da Persekutaran
3. Hijau-Kelompok Sosiologi dan Konteks Kebudayaan
4. Biru Tua-Kelompok Amalan Praktis dan Undang-Undang
5. Kuning-Kelompok Komunikasi

## METODOLOGI

Metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah *Interpretive Historical Research* yang mana aktiviti penyelidikan terdiri akan melalui sesi penyiasatan bukti, pengumpulan dan penyusunan bukti dan diakhiri dengan pembinaan naratif (Linda Groat et al. 2002). Teras kepada pelaksanaan aktiviti penyelidikan ini adalah ‘interpretasi’ yang mana fakta yang diperoleh penyelidik akan dinilai dari perspektif tertentu. Metodologi ini digunakan bagi menganalisis dan menilai fakta dari sudut pensejarahan dan mengintepretasikan semula (Zagroba, Szczepańska and Senetra 2020). Sekiranya terdapat fakta yang kabur atau ingin diwujudkan perdebatan dari sudut pandang baharu, maka penyelidik akan menggunakan pentas tertentu bagi membina interpretasi terhadap naratif sejarah berkenaan (Carr 1961).

Analisis kurikulum pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts* merupakan aspek interpretasi dalam penyelidikan ini. Asas interpretasi terhadap ciri kurikulum pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts* adalah berdasarkan perseptif pendidikan seni bina Malaysia. Justifikasi pemilihan perspektif atau pelantar analisis ini adalah kerana hasil akhir dari penyelidikan ini akan memberi indikator kepada kewujudan ciri unik kurikulum pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts* dalam kurikulum pendidikan seni bina di Malaysia. Pengaruh sistem pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts* dalam pendidikan seni bina Malaysia berlaku secara tidak langsung apabila peperiksaan RIBA dari Britain menjadi asas pendidikan seni bina awal di Universiti Teknologi Malaysia pada pertengahan tahun 1950-an. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kurikulum peperiksaan RIBA mempunyai ciri kurikulum pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts* melalui penglibatan individu yang mempunyai latar belakang pendidikan dari sekolah seni bina tersebut di dalam proses penggubalan soalan Peperiksaan RIBA (Madanovic 2018).

Kualiti serta pengiktirafan pendidikan seni bina Malaysia pada hari ini dikawal selia oleh Majlis Akreditasi Pendidikan Seni Bina Malaysia (MAPS Malaysia). Pada tahun 2013, MAPS Malaysia telah mengeluarkan manual akreditasi yang dikenali sebagai *The Manual of Accreditation for Architecture Programme* (MAAP 2013). Salah satu aspek yang diketengahkan oleh MAAP 2013 ialah pengelompokan kursus yang ditawarkan dalam sesebuah kurikulum seni bina yang terdiri daripada lima kelompok, iaitu 1) Kelompok Rekabentuk, 2) Teknologi dan Persekutaran, 3) Konteks Budaya, 4) Komunikasi, 5)


Pengurusan Praktis dan Undang-undang (MAAP 2013, Appendix 3-A). Justeru, analisis kursus yang terdapat di dalam kurikulum pendidikan seni bina *Ecole des Beaux Arts* akan dilaksana berdasarkan 5 kelompok kursus yang disarankan oleh MAAP 2013.

### SKOP KAJIAN

Kurikulum *Ecole des Beaux-Arts*: Walaupun pendidikan seni bina dilaksanakan di *Ecole des Beaux-Arts* berlangsung dalam tempoh ratusan tahun, namun terlalu sedikit sumber penulisan yang menceritakan dengan jelas tentang perjalanan pembelajaran di sekolah seni bina tersebut. Berdasarkan penulisan Joan Draper pada 1977 didapati hanya perjalanan pembelajaran seorang pelajar yang bernama J.G Howard di antara tahun 1891 hingga 1892 adalah jelas dari segi peringkat pengajian, kursus yang ditawarkan serta jangka masa pengajian dilalui oleh beliau (Kostof 1977). Terdapat dua peringkat pengajian yang

dilaksanakan dalam tempoh tersebut, iaitu peringkat *Second Class Level* yang mengandungi tujuh kursus dan peringkat *First Class Level* yang terdiri daripada satu kursus sahaja. Oleh yang demikian, analisis kajian ini hanya tertumpu kepada pelaksanaan kurikulum pembelajaran seni bina *Ecole des Beaux-Arts* tahun 1891 hingga 1892 sahaja.

Pecahan Kurikulum: Menurut David Warwick (1975), pembentukan kurikulum yang sempurna harus meliputi enam perkara asas, iaitu; a) Jadual; b) Kursus yang ditawarkan; c) Silibus; d) Tema; e) Pengajaran (*lesson*); f) Aktiviti, yang disusun mengikut tahap kepentingan seperti struktur geologi dalam kerak bumi. Untuk membincangkan keenam-enam perkara yang menjadi teras kepada struktur kurikulum merupakan suatu yang mustahil kerana skop perbincangannya akan menjadi terlalu luas. Oleh yang demikian, fokus perbincangan penyelidikan ini hanya tertumpu pada aspek penawaran kursus dalam program pengajian seni bina di *Ecole des Beaux-Arts*.



RAJAH 2. Struktur kurikulum dalam pendidikan menurut David Warwick (1975). Penyelidikan ini akan menganalisa aspek penawaran kursus sahaja

### SEJARAH PENUBUHAN ECOLE DES BEAUX-ARTS

Sebelum analisa lanjut mengenai kurikulum pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts* dilaksanakan, bahagian ini akan membincangkan mengenai latar belakang penubuhan sekolah seni bina tersebut sebagai asas pemahaman kepada pembentukan kurikulumnya. Asal-usul penubuhan *Ecole des Beaux Art* ialah dari kelas yang diadakan oleh *Academies of Painting and Sculpture and Architecture* pada 1648. Pada 1671, sejarah sistem pendidikan yang diwarisi oleh *Ecole des Beaux-Arts* bermula dengan rasminya

melalui penubuhan *Academie Royale d'Architecture* oleh King Louis XIV atas nasihat Menteri Kewangannya, Jean-Baptista Colbert. Pada waktu itu, King Louis XIV berkuasa penuh dalam pembangunan kerjaya jurubina di Perancis yang mana baginda sendiri akan menentukan piawaian terhadap kaedah latihan, menganugerahkan kuasa dan projek pembangunan negara kepada arkitek. Colbert pula berperanan sebagai orang perantaraan antara raja dan arkitek dalam pelbagai peringkat. Beliau bertanggungjawab menyediakan program bangunan kepada arkitek dan memeriksa mutu kerja yang dihasilkan (Kostof 1977: 173).

Revolusi Perancis telah menghentikan sementara tradisi akademik di negara itu apabila *Academie Royale d'Architecture* terpaksa ditutup pada 1792. Bermula dari saat itu sehingga tertubuhnya *Ecole des Beaux Arts* pada 1807, usaha melestarikan sistem pendidikan seni bina yang telah diasaskan oleh *Academie Royale d'Architecture* berada dalam keadaan yang rumit untuk difahami kerana melibatkan konflik dalaman, penubuhan sekolah seni bina baharu, penggabungan dan pengambil alihan. Usaha pertama ke arah melestarikan sistem pendidikan seni bina yang diwarisi oleh *Academie Royale d'Architecture* bermula pada 25 Oktober 1795 apabila *Institut des Science et des Arts* (pada 1806 ditukar nama kepada *Institut de France*) ditubuhkan oleh *The National Convention*. *The National Convention* merupakan badan pemerintah sementara yang ditubuhkan pada September 1792 berikutan percubaan untuk menghapuskan sistem pemerintahan monarki Perancis. Selama tiga tahun di bawah pemerintahan badan ini, Perancis berada dalam keadaan kucar-kacir dan suasana politik yang tidak stabil. Salah satu peranan *Institut des Science* ialah mengambil alih fungsi yang dimainkan oleh *Academie Royale d'Architecture* sebelum berlakunya Revolusi Perancis. Peranan institut tersebut menjadi semakin penting dalam sistem pemerintahan yang baharu. Namun peranan yang dimainkan oleh bidang seni masih tersangat kecil memandangkan institut tersebut didominasi oleh ahli-ahli sastera manakala ahli muzik dan pelakon yang juga merasa terpinggir, telah membuka satu lagi kelas di dalam institut berkenaan. Perpecahan awal ini telah memberi implikasi kepada perjalanan aktiviti institut dan pada 1803, Napoleon III telah melakukan reformasi dengan menubuhkan kelas keempat yang dinamakan *Classe des Beaux-Arts* yang terdiri daripada lima bahagian, iaitu 10 pelukis, enam pengarca, enam arkitek, tiga komposer dan setiausaha tetap. Seperti juga *Academie Royale d'Architecture* yang memberi penekanan kepada seni halus, *Classe des Beaux-Arts* berperanan menyediakan program dan mengadili *Grand Prix de Rome* dan proses kawal selia pertandingan tersebut dilakukan oleh *France Academe de Rome*. Berbanding *Academie Royale d'Architecture*, peranan yang dimainkan oleh *Classe des Beaux-Arts* dalam penghasilan reka bentuk agak berbeza apabila tidak lagi mengendalikan isu berkaitan bangunan rasmi selain bilangan ahli yang lebih kecil berbanding *Academie Royale d'Architecture* (Engbert 1980: 36-37).

Dalam perkembangan lain, pada 25 Oktober 1795, iaitu sehari sebelum *The National Convention* dibubarkan dan diganti dengan *Directory*, satu undang-undang yang telah digubal pada 15 Oktober telah diserahkan. Antara yang terkandung dalam undang-undang tersebut ialah penubuhan sebuah institut baru bagi menggantikan *Academie Royale d'Architecture* (Engbert 1980. Pp. 38). Selain itu, undang-undang tersebut juga meminta untuk

dihidupkan semula *France Academe de Rome* dan hadiah *Grand Prix de Rome*. Hasilnya, sekolah seni bina pertama selepas Revolusi telah ditubuhkan dan diberi nama *Ecole Speciale d'Architecture*. Mirip *Academie Royale d'Architecture* sebelum Revolusi, ia mempunyai empat fakulti yang mana dua daripada tenaga pengajarnya pernah mengajar di *Academie Royale d'Architecture*. Salah seorang daripadanya ialah Julien-David Leroy, profesor dalam bidang sejarah seni bina dan seorang lagi adalah Rieux yang merupakan profesor dalam bidang *sterotomy* (Engbert 1980. 38).

Pada 1796, *Classe de la Litterature et des Beaux-Arts* yang bernaung di bawah *Institut National des Sciences et des Arts* menyarankan agar *Ecole Speciale d'Architecture* bergabung dengan sekolah lukisan dan arca. Pada 1797, pelajar Leroy telah melakukan kerja reka bentuk di sebuah bilik bersebelahan dengan bilik sekumpulan pelukis. Pertemuan tersebut membawa kepada penggabungan tidak rasmi pada 31 Mac 1799 dengan nama *Ecole Speciale de Peinture, Sculpture et Architecture* (Engbert 1980. 40).

Dari segi infrastruktur *Ecole Speciale de Peinture, Sculpture et Architecture* memerlukan bangunan yang lebih selesa untuk beroperasi. Pada 1801, Napoleon telah mengarahkan agar mereka berpindah ke sebuah bangunan yang bernama *Palais des Beaux-Arts*. Namun disebabkan keadaan bangunan yang uzur, proses perpindahan hanya berlaku beberapa tahun kemudian. Pada 1804, hanya sekolah seni bina sahaja yang berpindah ke bangunan tersebut manakala sekolah lukisan dan arca hanya berbuat demikian pada 1807. Penggabungan semula di bawah satu bumbung pada 1807 telah memberi kesedaran kepada kedua-dua buah sekolah tersebut bahawa mereka sebenarnya di bawah satu badan yang sama dan memerlukan proses penggabungan secara rasmi. Kesannya, proses penggabungan menjadi kenyataan pada tahun tersebut dengan nama *Ecole Imperiale des Beaux-Arts* yang akhirnya dikenali sebagai *Ecole des Beaux-Arts* (Engbert 1980: 40). Sebelum secara rasmi menggunakan nama *Ecole des Beaux-Arts*, *Ecole Imperiale des Beaux-Arts* telah beberapa kali bertukar nama. Pada 1819, sekolah seni bina tersebut dikenali sebagai *Ecole Royale des Beaux-Arts* manakala pada 1852, ianya dikenali semula dengan nama *Imperiale des Beaux-Arts* dan selepas Perang Dunia Pertama dikenali pula dengan nama *Ecole Nationale Supérieure des Beaux-Arts* (Engbert 1980: xxii).

#### SISTEM PEMBELAJARAN ECOLE DES BEAUX-ARTS

Proses pembelajaran seni bina di *Ecole des Beaux-Arts* disokong oleh dua komponen penting iaitu *Atelier* dan *Grand Prix de Rome*. Pertandingan *Grand Prix de Rome*

merupakan pentas tertinggi pelajar terbaik yang berasal dari Perancis dalam mengetengahkan idea reka bentuk mereka untuk dinilai sebelum diisyiharkan sebagai pemenang. Sebelum layak dipilih sebagai pelajar yang layak bertanding di *Grand Prix de Rome*, seseorang pelajar itu akan mengikuti sesi pembelajaran di studio atau *atelier*.

#### KAEDAH PEMBELAJARAN DI ATELIER

Teras pembelajaran, yang dipanggil *système des Beaux-Arts*, menampilkan struktur *atelier*, dengan pelajar berkumpul di studio (O'Connell 2020). Pusat pembelajaran di *Ecole des Beaux-Arts* ini di mana projek reka bentuk yang bakal dipertandingkan disiapkan di sini. Menjelang 1890-an, sekurang-kurangnya tiga dari dua puluh *atelier* kekal bergerak secara persendirian oleh *patron* (professor reka bentuk) yang juga merupakan arkitek praktis. *Patron* biasanya akan datang ke *atelier* pada waktu malam untuk memberi kritik reka bentuk dan selainnya *atelier* digerakkan oleh pelajar mengikut masa yang telah dihormati secara tradisi. Pelajar boleh datang ke *atelier*

bila-bila masa yang mereka mahu kerana hanya terdapat beberapa projek reka bentuk sahaja dalam setahun. Secara asasnya, kunci kejayaan pelajar dalam pembelajaran seni bina melalui sistem *atelier* ialah disiplin, kerja keras dan inisiatif individu (Kostof 1977: 211-212)

Permulaan *atelier* dalam sistem pendidikan seni bina dipelopori oleh Jacques Francois Blondel yang mana beliau mengendalikan sekolah swasta yang berperanan melatih bakal arkitek sejak 1743. Idea penubuhan sekolah seni bina swasta pada mulanya ditentang oleh *Academie Royale d'Architecture* kerana mereka berpendapat pengajian seni bina tidak boleh sewenang-wenangnya dibuka kepada orang awam yang sudah tentu mampu membayar yuran yang dikenakan. Walau bagaimanapun, keputusan tersebut ditarik balik setahun kemudian kerana pihak *Academie Royale d'Architecture* berpendapat sekolah seni bina swasta yang dinamakan *Sieur Blondel* itu mungkin memberi manfaat kepada masyarakat dan kemajuan generasi muda yang berminat menceburi kerjaya seni bina (Engbert 1980: 26).



GAMBAR 1. Suasana di *atelier* Jean-Louis Pascal (Pemenang Grand Prix 1866), Paris pada 1905. Pelajar *Ecole des Beaux-Arts* berkumpul di *atelier* di mana proses pembelajaran dan penghasilan lukisan reka bentuk untuk pertandingan dihasilkan.

*Sumber:* Kostof (1977)

Hubungan langsung sistem *atelier* dalam pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts* bermula apabila Jacques Francois Blondel dilantik menjadi Profesor di *Academie Royale d'Architecture* pada penghujung tahun 1762. Sebagai penambahan terhadap pembelajaran di *Academie Royale d'Architecture*, Blondel meneruskan pengajaran swastanya di *atelier* miliknya. Ini merupakan permulaan sebenar sistem pendidikan seni bina di *Ecole des Beaux-Arts* yang mana pelajar menyiapkan projek reka bentuk untuk pertandingan di *atelier* yang mereka pilih. Melalui reformasi *Ecole des Beaux-Arts* pada 1863 di bawah

pemerintahan Napoleon III, *atelier* rasmi ditubuhkan dengan profesor seni bina atau *patron* dilantik oleh kerajaan. Diistilahkan *atelier interieurs*, terdapat tiga *atelier* sedemikian sehingga tahun 1890 dan merupakan yang paling dominan. Victor Laloux, pemenang *Grand Prix* pada 1878 dan tidak dipilih menerajui mana-mana dari tiga *atelier interieurs* telah diminta oleh sekumpulan pelajar untuk menjadi *patron* mereka. Beliau kemudiannya telah membuka *atelier* sendiri dan merupakan yang paling menonjol selepas 1863 (Engbert 1980: 27-28).

*Atelier* yang diterajui oleh Victor Laloux diistilahkan sebagai *ateliers exterieurs* atau *atelier libres* kerana ianya bebas dan *patron* bebas dipilih oleh pelajar. Apabila sistem *atelier* berakhir pada 1968, terdapat lima *atelier interieurs* yang mana satu daripadanya berperanan khusus melatih bakal pelajar *Ecole des Beaux-Arts*. Walau bagaimanapun, tanpa dinyatakan jumlah, *atelier libres* merupakan yang paling banyak terdapat di *Ecole des Beaux-Arts* menjelang 1968 (Engbert 1980: 27-28).


#### PERTANDINGAN GRAND PRIX DE ROME

Penubuhan *Academie Royale d'Architecture* pada asalnya tidak mempunyai hak atau kapasiti sepenuhnya untuk mengajar kursus seni bina. Walau bagaimanapun, menjelang suku kedua kurun ke-18, *Academie Royale d'Architecture* telah mula mengembangkan skop pembelajarannya dan pertandingan reka bentuk yang dikenali sebagai *Grand Prix de Rome* merupakan kemuncak kepada proses pembelajarannya (Engbert 1980: 25). Bermula sejak tahun 1720 pertandingan reka bentuk *Grand Prix de Rome* diadakan pada setiap tahun dan ianya berlangsung selama dua setengah kurun. Pertandingan ini menjadi pentas tertinggi pelajar *Academie Royale d'Architecture* memaparkan hasil kerja mereka untuk diadili dan iktiraf sebagai yang terbaik (Engbert 1980: 11).

Pertandingan reka bentuk *Grand Prix de Rome* secara tradisinya disertai oleh pelajar warga Perancis yang cemerlang dan diminta menyediakan reka bentuk bagi projek seni bina mega serta bersifat monumental sama ada untuk kegunaan raja, pentadbiran negara atau kegunaan

awam. Peserta akan dibekalkan program reka bentuk peringkat awal pertandingan serta reka bentuk yang bakal dihasilkan adalah dari imiginasi dan bukan untuk tujuan dibina (Madanovic 2020). Setiap peserta dijangka akan mempersebahkan reka bentuk mereka dalam bentuk lukisan tanpa menyediakan model reka bentuk. Lukisan pula terdiri daripada pelan, tampak dan keratan rentas dalam beberapa siri pertandingan sebelum tahun 1750. Penghasilan lukisan perspektif dilarang secara khusus dalam pertandingan yang diadakan pada 1786 dan 1787. Hanya tiga siri pertandingan sahaja yang membenarkan penghasilan lukisan perspektif sepanjang dua setengah abad sejarah *Grand Prix de Rome* manakala selebihnya hanya mensyaratkan penghasilan lukisan pelan, tampak dan keratan rentas dari reka bentuk yang dihasilkan (Engbert 1980: 11-12).

Program reka bentuk pertandingan tidak disediakan oleh tenaga pengajar di sekolah seni bina sebaliknya oleh ahli *Academie Royale d'Architecture* atau kemudiannya oleh ahli-arkitek praktis di *Academie Des Beaux-Arts*. Setiap peserta, setelah mendapat program reka bentuk diminta menyediakan lakaran idea atau *esquisse* dalam skala yang kecil. Jangka masa yang diberikan adalah singkat, iaitu kira-kira 12 jam dan diasingkan di dalam sebuah bilik kecil atau *en loge*. Melalui *esquisse*, pelan, tampak dan keratan rentas rambang reka bentuk akan diketengahkan. Peserta perlu menghasilkan lukisan akhir pertandingan berdasarkan penyelesaian rambang yang ditunjukkan dalam *esquisse* dan sekiranya syarat tersebut tidak dipatuhi maka penyertaan mereka dikira *hors concours* atau dibatalkan (Engbert 1980: 12).




GAMBAR 2. Lukisan tampak hadapan oleh Joseph-Auguste-Emile Vauddremer yang bertajuk *Edifice consacré à la sépulture des souverains d'un grand empire*, Naib Juara Grand Prix 1854. Sumber: Engbert 1980, Illustrations no. 12

Lama-kelamaan, pertandingan reka bentuk *Grand Prix de Rome* menjadi semakin penting serta melibatkan percaturan maruah dan reputasi *patron*. Sebelum *Academie Royale* diarahkan tutup, semua ahlinya boleh menaja pelajar menyertai *Grand Prix de Rome*. Nama *patron* sering dikaitkan dalam minit mesyuarat *Academie Royale d'Architecture* apabila pelajar mereka menyertai *Grand Prix de Rome*. Nama *patron* pertama kali disebutkan dalam minit mesyuarat pada 1745 berkaitan pelajar yang menghantar *esquisse* dan ianya menjadi amalan menjelang lewat 1740-an dan 1750-an. Pada 1758, nama *patron* pertama kali dikaitkan dengan pemenang pertandingan. Ia kemudiannya berlaku dengan lebih kerap menjelang 1760-an dan awal 1770-an manakala bermula pertengahan 1770-an, ia menjadi suatu kebiasaan dalam siri *Grand Prix de Rome*. Kemudiannya, reputasi *patron* semakin menjadi sandaran kejayaan anak didiknya di *Academie Royale d'Architecture* yang mana reka bentuk pertandingan dihasilkan di *atelier* patron tersebut. Pada ketika tertentu, *patron* dan beberapa pemuda di *ateliernya* akan memilih seorang pelajar untuk menyertai *Grand Prix de Rome* melalui siri pertandingan kecil antara pelajar di bawah kendaliannya (Engbert 1980: 13-14).

#### KURIKULUM PENDIDIKAN SENI BINA YANG BERSISTEMATIK

Salah satu kunci kelestarian sistem pegajian seni bina di *Ecole des Beaux-Arts* selama dua setengah abad ialah kewujudan struktur kurikulum dalam sistem pembelajaran. Tempoh seratus tahun pertama boleh disifatkan sebagai

tempoh pemantapan kurikulum dari sistem perantis ke sistem *atelier*. Apabila struktur kurikulum sedia ada dimantapkan oleh Jacques Francois Blondel, masa yang diperuntukkan kepada pelajar untuk mendalami elemen asas menjadi seorang arkitek seperti sejarah dan sains binaan adalah lebih berbanding sebelumnya. Kedua-dua kelompok kursus ini dijadikan pra-syarat dalam proses pembelajaran kesan dari falsafah *Descartes* yang dipegang oleh *Ecole des Beaux-Arts*. Falsafah *Descartes* menggabungkan fahaman *Ancients* dan *Moderns* merupakan pegangan *Academie Royale d'Architecture* dan pengantinya *Ecole des Beaux-Arts* sehingga kepada pembubarannya pada 1968. Penekanan terhadap pengetahuan matematik, geometri dan *sterotomy* dalam sistem pembelajaran seni bina dipercayai ada kaitan dengan bidang kejuruteraan yang berkembang agak lewat, iaitu pada pertengahan abad ke-18 berbanding penubuhan *Academie Royale d'Architecture* yang lebih awal. Usaha merealisasikan falsafah “*good taste and manner of the ancients*” dilakukan dengan serius pada peringkat kedua pengajian atau dikenali sebagai *First Class Level* pada penghujung abad ke-19 apabila pelajar dikerah menghasilkan reka bentuk untuk siri pertandingan reka bentuk seperti *Grand Prix de Rome* dan *prix d'emulation*. Pada peringkat ini, peperangan di antara kreativiti dengan adab perlu ditempuh pelajar dan ianya sentiasa berlaku. Apa yang pasti, siri pertandingan reka bentuk bukan sahaja berjaya menghasilkan pelajar yang mahir dalam menghasilkan reka bentuk berdasarkan falsafah *Descartes* tetapi juga komunikasi reka bentuk melalui lukisan persembahan yang dihasilkan.




RAJAH 3. Komponen pembelajaran seni bina di *Ecole des Beaux-Arts*  
Sumber: Kamarul Afizi 2011: 60

Penyediaan lukisan persembahan untuk tujuan pertandingan juga menyumbang kepada kewujudan sistem *Ngres*, iaitu pembelajaran dari pelajar berbakat dan cemerlang. Pelajar yang layak menyertai *Grand Prix de Rome* adalah pelajar yang berkemahiran tinggi dan berbakat, namun penyediaan lukisan dalam skala yang besar memustahilkan mereka untuk menyiapkannya dalam masa yang ditetapkan. Atas dasar sukarelawan di dalam *atelier*, pelajar cemerlang tersebut akan dibantu oleh pelajar-pelajar junior atau pelajar yang tidak berjaya menyertai pertandingan tersebut. Melalui sistem *Ngres*, pelajar yang bertindak sebagai pembantu memperoleh manfaat dari pelajar yang menyertai pertandingan dalam memperbaiki kemahiran reka bentuk dan komunikasi lukisan mereka (Engbert 1980: 17). Pembentukan struktur kurikulum merupakan detik penting dalam sistem pembelajaran seni bina *Ecole des Beaux-Arts*. Melalui matlamat sekolah seni bina tersebut untuk memartabatkan falsafah “good taste and manner of the ancients” dapat dicapai melalui penggubalan kursus serta gerak kerja pembelajarannya. Pembentukan awal struktur kurikulum seni bina oleh *Ecole des Beaux-Arts* telah memberi sumbangan besar kepada pembentukan kaedah pendidikan seni bina selepasnya. Peringkat awal pendidikan seni bina secara formal di Amerika misalnya berdasarkan struktur kurikulum yang dipelopori oleh *Ecole des Beaux-Arts* melalui bekas pelajarnya yang dilantik sebagai profesor di universiti-universiti di negara tersebut (Kostof 1977: 229-235). Perkembangan sistem pendidikan *Ecole des Beaux-*

*Arts* turut berkembang ke negara-negara lain. Sebagai contoh, sistem pendidikan *Ecole des Beaux-Arts* diperkenalkan secara sistematik di New Zealand melalui Auckland School of Architecture oleh Profesor Cyril Knight. Beliau dilantik sebagai profesor pada tahun 1925 dan tinggal di New York pada masa pelantikannya. Tugas pertama beliau adalah untuk membeli buku untuk perpustakaan seni bina. Meneroka tajuk buku yang dirujuk oleh pelajar, mereka digalakkan untuk membaca artikel yang memberi tumpuan kepada pembelajaran sejarah dan teori yang berpaksikan kepada kaedah yang diperkenalkan oleh *Ecole des Beaux-Arts* (Madanovic 2018).

#### ANALISIS KURIKULUM PENDIDIKAN SENI BINA ECOLE DES BEAUX-ARTS

Langkah 1(Analisis Awal Teks): Pemilihan teks atau kandungan dokumen dari penulisan Joan Draper pada 1977 yang menceritakan perjalanan pembelajaran oleh pelajar bernama J.G Howard di *Ecole des Beaux-Arts* antara tahun 1891 hingga 1892 (Engbert 1980.17). Maklumat mengenai kurikulum *Ecole des Beaux-Arts* tidak dinyatakan dalam bentuk carta sebaliknya dalam bentuk penceritaan suasana dan aktiviti pembelajaran. Justeru, pengkaji perlu menganalisis setiap baris ayat yang terdapat pada teks tersebut berdasarkan kaedah Analisis Dokumen bersandarkan perspektif sistem pendidikan seni bina Malaysia pada ketika ini.



RAJAH 4. Ringkasan tahap pembelajaran seni bina yang dilalui oleh J.G.Howard ketika menjadi pelajar seni bina di *Ecole des Beaux-Arts* di antara tahun 1891 hingga 1892.

Langkah 2 (Meringkaskan Teks): Maklumat kurikulum yang disampaikan dalam bentuk teks penceritaan perlu di ekstrak dalam bentuk yang lebih ringkas agar ianya mudah ditafsir dan dikategorikan mengikut kelompok kursus yang bersesuaian.

Langkah 3 (Kelompok Kursus): Bahagian ini menunjukkan kelompok kursus dalam konteks Malaysia (MAAP 2013) yang akan dipadankan dengan kursus dalam pendidikan seni bina *Ecole des Beaux-Arts*. Terdapat dua kelompok kursus sahaja yang terlibat, iaitu Kelompok Kursus Reka Bentuk dan Kelompok Kursus Teknologi dan Persekitaran (rujuk carta 5).

Langkah 4 (Mengkategorikan Kursus Ke dalam Kelompok): Nama kursus yang telah dikenal pasti dari analisa dokumen telah dikategorikan di bawah kelompok kursus yang bersesuai menurut pemahaman konteks pendidikan seni bina Malaysia pada hari ini. Daripada proses pengelompokan tersebut, didapati Kelompok Kursus Reka Bentuk terdiri daripada kursus *Concours* (pertandingan) yang terdiri daripada aktiviti *analytiques* (gerak kerja ‘*rendering*’ bagi menunjukkan pengetahuan dalam susun atur klassikal) pada peringkat pengajian *First Class Level*. Kelompok Kursus Teknologi dan Persekitaran pula terdiri daripada kursus *Geometry*, *Streotomy Perspective*, *Mathematics*, *Science of Construction*, *Structure Project* dari peringkat pengajian *Second Class Level* (rujuk carta 5).

Langkah 5 (Nilai Pemberat Kursus) :Kursus yang telah dikategorikan dalam kelompok tertentu akan diukur kecenderungannya berdasarkan nilai pemberat bulan, iaitu tempoh sesuatu kursus itu dilaksanakan. Pendekatan ini diambil kerana tiadanya sebarang sistem pemberat terhadap sesuatu kursus yang ditawarkan pada ketika itu. Dari sesi pemerhatian, didapati jangka waktu pembelajaran bagi sesuatu kursus dilaksanakan dalam tempoh beberapa bulan. Sebagai contoh, penyediaan lukisan persembahan untuk tujuan pertandingan melibatkan tempoh selama dua bulan. Dalam jangkamasa tersebut, kelompok kursus yang terlibat secara langsung ialah Kelompok Kursus Reka Bentuk. Memandangkan sistem pembelajaran di *atelier* adalah fleksibel, pelajar bebas untuk menggunakan seberapa banyak waktu dalam sehari untuk menyiapkan kerja pertandingan mereka.

Langkah 6 (Analisa Kecenderungan Kelompok Kursus): Analisis bahagian ini adalah mengenai jangka masa yang diambil oleh pelajar cemerlang J.G Howard sepanjang pengajian beliau di *Ecole des Beaux-Arts*. Dari sumber rujukan dilakukan, hanya jangka masa pengajian yang dilalui oleh J.G Howard sahaja yang dinyatakan dengan agak jelas walaupun ianya bukanlah terlalu lengkap. Dari

segi jangka masa keseluruhan program pengajian, hanya peringkat *Second Class Level* sahaja telah dinyatakan dengan jelas dalam penulisan Joan Draper, manakala jangka masa sebenar yang perlu diambil pelajar untuk menamatkan peringkat *First Class Level* adalah sangat kabur. Jika berdasarkan syarat enam *Concours* yang perlu disertai pelajar pada peringkat ini, maka berkemungkinan jangkamasa minimum yang diperlukan oleh seseorang pelajar untuk menamatkan pengajian di peringkat *First Class Level* ialah 12 bulan. Berdasarkan pengalaman J.G Howard, berkemungkinan jangka masa yang lebih panjang diperlukan oleh pelajar kurang cemerlang untuk menghabiskan peringkat *First Class Level*.


Langkah 7 (Perbandingan Kecenderungan Kelompok Kursus): Perbandingan rambang jangka masa yang mungkin diambil oleh J.G.Howard dengan seorang berkemampuan sederhana untuk menamatkan pengajian seni bina di *Ecole des Beaux-Arts* melibatkan dua kelompok kursus telah dilaksanakan. Nisbah perbezaan tempoh pengajian J.G.Howard dengan pelajar sederhana ialah 2.25, iaitu tempoh maksimum pembelajaran selama 36 bulan dan J.G Howard hanya mengambil masa 16 bulan sahaja untuk menyelesaikan pengajian beliau. Jika J.G.Howard mengambil masa 12 bulan untuk menamatkan pengajian kursus yang terletak di bawah Kelompok Kursus Teknologi dan Persekitaran, berkemungkinan seorang pelajar yang berkemampuan sederhana memerlukan masa sekitar 27 bulan ( $12 \times 2.25$ ). Dari analisa rambang yang dilaksanakan pada bahagian 7 dalam carta 5, Kelompok Kursus Reka Bentuk dijangka mengumpul sekitar 16 bulan pengajian oleh John Howard, iaitu 4 bulan di peringkat *Second Class Level* dan 12 bulan di peringkat *First Class Level*. Dengan nisbah perbezaan sebanyak 2.25, maka seorang pelajar berkemampuan sederhana memerlukan sejumlah 36 bulan, iaitu 9 bulan di peringkat *Second Class Level* dan 27 bulan di peringkat *First Class Level* untuk menamatkan pengajian dalam kursus yang bernaung di bawah Kelompok Reka Bentuk. J.G.Howard dikatakan telah menghabiskan masa selama setahun untuk menamatkan pengajian dalam bidang teknologi binaan. Seorang pelajar berkemampuan sederhana mungkin memerlukan 27 bulan untuk menamatkan tempoh pengajiannya dalam kursus-kursus berkaitan Teknologi dan Persekitaran di *Ecole des Beaux-Arts* pada masa itu.

Langkah 8 (Peratusan Kecenderungan Kelompok Kursus): Gerak kerja terakhir ialah untuk mendapatkan peratusan kecenderungan kelompok kursus dalam struktur kurikulum pendidikan senibina di *Ecole des Beaux-Arts* di antara tahun 1891 hingga 1892 . Bahagian 8 dalam rajah 5 telah mengetengahkan formula pengiraan peratusan tersebut, iaitu jumlah bulan keseluruhan dalam kelompok kursus

akan dibahagikan dengan jumlah bulan keseluruhan untuk mendapatkan peratusan kecenderungan kelompok kursus (Kelompok Reka Bentuk: 16 bulan/28 bulan @ 36 bulan/63 bulan, Kelompok Teknologi dan Persekutaran: 12 bulan/28 bulan @ 27 bulan/63 bulan).

Langkah 9 (Hasil Analisa Akhir): Hasil daripada gerak kerja analisa kecenderungan kursus, didapati Kelompok Kursus Reka Bentuk telah muncul sebagai kelompok kursus yang

paling dominan dengan peruntukan bulan pengajian sebanyak 53.85% dan Kelompok Kursus Teknologi dan Persekutaran mewakili tempoh pengajian selama 46.15%. Bahagian 9 dalam rajah 5 mengetengahkan kecenderungan kelompok kursus keseluruhan dalam struktur kurikulum peringkat *Second Class Level* dan *First Class Level* di *Ecole des Beaux-Arts* di antara tahun 1891 hingga 1892 dengan menggunakan carta pai.



RAJAH 5. Kaedah analisa kecenderungan struktur kurikulum *Ecole des Beaux-Arts* Peringkat Second Class Level dan First Class Level pada tahun 1891-92


## KEPUTUSAN ANALISIS

Hasil daripada gerak kerja tersebut, didapati Kelompok Kursus Reka Bentuk telah muncul sebagai kelompok kursus yang paling dominan dengan peruntukan bulan pengajian sebanyak 53.85% dan Kelompok Kursus Teknologi dan Persekutaran mewakili tempoh pengajian selama 46.15%. Walaupun analisa ini merupakan suatu anggaran, namun berdasarkan pengalaman J.G Howard yang menyatakan bahawa keutamaan pelajar di *Ecole des Beaux Arts* untuk menamatkan pengajian di peringkat *Second Class Level* berbanding *First Class Level* menunjukkan adanya rasional dari gerak kerja tersebut. Bagi pelajar yang berhasrat menghabiskan keseluruhan

modul pembelajaran di *Ecole des Beaux-Arts* pada ketika itu, sudah tentu penekanan yang lebih terhadap Kelompok Kursus Reka Bentuk dan Kelompok Kursus Teknologi dan Persekutaran di tahap *Second Class Level* sangat membantu dalam membentuk kefahaman dan kemahiran dalam kursus reka bentuk pada tahap *First Class Level*. Dari hasil lukisan yang dipersembahkan oleh pelajar dalam pertandingan seni bina seperti *Grand Prix de Rome*, dapat dilihat tahap pemahaman yang mendalam pelajar terhadap falsafah reka bentuk *Descartes*. Ia secara tidak langsung mencerminkan keberkesanannya kurikulum pengajian seni bina di *Ecole des Beaux-Arts* dalam mencapai objektif pendidikan mereka. Hal tersebut turut disentuh dalam perbincangan Howard, iaitu mendapat pendidikan senibina di *Ecole des Beaux-*

*Arts* dianggap kemuncak pengetahuan dalam senibina oleh arkitek Amerika walaupun diploma yang dimiliki tidak membawa apa-apa makna kepada kerjaya mereka kerana pada masa itu dunia praktis masih memberi keutamaan

kepada aspek kemahiran yang diperoleh calon arkitek melalui kaedah pembelajaran tradisional seperti sistem perantis atau *lodge*.



RAJAH 6. Kecenderungan kelompok kursus peringkat Second Class Level dan First Class Level dalam struktur kurikulum *Ecole des Beaux-Arts* (1891-92)

Berdasarkan sumber rujukan penulisan yang terhad, hasil akhir analisis hanya menunjukkan dua kelompok kursus utama yang memainkan peranan dalam proses pembelajaran seni bina di *Ecole de Beaux-Arts*, iaitu Kelompok Rekabentuk dan Kelompok Teknologi dan Persekutaran. Walau bagaimanapun, penemuan ini merupakan suatu langkah besar ke arah membina pemahaman terhadap hubung kait antara pembentukan kurikulum pendidikan seni bina awal di Eropah dengan reka bentuk kurikulum pendidikan masa kini, khususnya di Malaysia.

## KESIMPULAN

Sekolah seni bina *Ecole des Beaux-Arts* telah melakukan inisiatif penting dalam memperkenalkan kaedah pendidikan secara formal serta berpusat berbanding sistem pendidikan tradisional sebelumnya. Beberapa komponen dalam pelaksanaan proses pembelajarannya seperti sistem *atelier*, pertandingan *Grand Prix de Rome*, falsafah *Descartes* dan *French Academie de Rome* telah menghasilkan mutu pembelajaran yang sangat tinggi serta menjadi impian setiap pelajar untuk menyertai *Ecole des Beaux-Arts*. Namun begitu, rupa bentuk kurikulum pembelajaran seni bina di *Ecole des Beaux-Arts* ternyata masih kabur kerana dipersembahkan dalam bentuk penceritaan serta tidak mempunyai nilai khusus seperti jam kredit seperti hari ini. Hal ini merupakan halangan utama untuk masyarakat pada hari ini memahami beban pembelajaran yang perlu dilalui

oleh seseorang pelajar yang mengikuti program pembelajaran di sekolah seni bina berkenaan. Justeru, ia memerlukan satu kaedah penafsiran semula bagi mewujudkan kefahaman yang lebih baik tentang bentuk serta hubung kaitnya dengan struktur kurikulum pendidikan seni bina yang ada pada hari ini. Penyelidikan ini telah mengetengahkan satu kaedah pentafsiran berdasarkan konteks pendidikan seni bina di Malaysia pada hari ini dengan mengetengahkan sembilan peringkat analisa dan akhirnya kurikulum *Ecole des Beaux-Arts* telah berjaya diterjemahkan ke dalam bentuk visual yang boleh dibaca serta dinilai peratusan kecenderungan kursusnya. Walaupun hanya dua kelompok kursus sahaja berjaya dikenal pasti berdasarkan sumber teks mengenai kursus yang diambil oleh seorang pelajar, iaitu J.G.Howard, namun ianya merupakan suatu penemuan penting yang dapat memberi gambaran mengenai rupa bentuk kurikulum pendidikan seni bina pada waktu itu di *Ecole des Beaux-Arts*. Hasil kajian ini berpotensi besar untuk dikembangkan dalam bentuk penyelidikan baharu seperti melaksanakan proses perbandingan dengan mana-mana kurikulum pendidikan seni bina termasuk juga yang diamalkan di Malaysia bagi melihat sejauh mana pengaruhnya dalam pembentukan kurikulum seni bina pada masa kini.

## RUJUKAN

Britannica, T. Editors of Encyclopaedia. “École des Beaux-Arts.” Encyclopedia Britannica, January 18, 2016. <https://www.britannica.com/topic/Ecole-des-Beaux-Arts>. [4 March 2023]

- Carr.E.H. *What Is History?* New York. Vintage Books, A Division of Random House. 1961.
- Crinson, M; Lubbock, J. 1994. *Architecture Art or Profession? Three Hundred Years of Architectural Education in Britain*. Manchester, Manchester Unity Press.
- Engbert. D.D. 1980. *The Beaux-Arts Tradition In French Architecture*. Princeton University Press. New Jersey.
- Heard, Brendan. 2021. Classical Wisdom. December14. <https://classicalwisdom.com/culture/education-in-ancientegypt/#:~:text=There%20were%20village%20;elementary%20schools,as%20doctors%2C%20scribes%2C%20etc> [8 Feb 2023]
- Kamarul Afizi Kosman. 2011. Sejarah Pendidikan Seni Bina di Universiti Teknologi Malaysia Dari Tahun 1955 Hingga 2005. Tesis PhD. UTM Sekudai.
- Kostof, S. ed. 1977. *The Architect – Chapter in the History of the Profession*. New York, Oxford University Press.
- Linda Groat, David Wang. 2002. *Architectural Research Methods*. John Wiley & Sons. United States.
- MAPS Malaysia. 2013. *The Manual of Accreditation for Architecture Programme*. Lembaga Arkitek Malaysia. Kuala Lumpur. Malaysia
- Milica Madanovic. 2018. “Persisting Beaux-Arts Practices in Architectural Education: Architectural History and Theory Teaching at the Auckland School of Architecture, 1927-1969.” *Interstices: A Journal of Architecture and Related Arts* 11 (2018): 9-25.
- Milica Madanovic. 2020. The Quality of Fitness in the Architecture of the 20th Century: An Oversighted Design Principle from the Beaux-Arts Tradition. *Matica Srpska Journal for Fine Arts*. 3. IV 2020. Pp 179-192.
- O’Connell, Lauren. 2020. Oxford Bibliography. February 26. Accessed March 12, 2023. <https://www.oxfordbibliographies.com/display/document/obo-9780190922467/obo-9780190922467-0016.xml> [20 March 2023]
- Royal Institute of British Architects. 2023. architecture.com. Accessed March 12, 2023. <https://www.architecture.com/about/history-charter-and-byelaws> [20 March 2023]
- Warwick, D. 1975. *Curriculum Structure and Design. London*. University of London Press Ltd. 1975
- Zagroba, Marek, Agnieszka Szczepańska, and Adam Senetra. 2020. Analysis and evaluation of historical public spaces in small towns in the polish region of warmia. *Sustainability (Switzerland)* 1-20.